



SIARAN MEDIA

ROAD TO MAHA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

LABUAN, 25 JULAI 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui kolaborasi strategik telah menganjurkan program Road to MAHA Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan bermula dari 23 hingga 26 Julai 2026 di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Penganjuran selama empat hari ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Program Road to MAHA merupakan kesinambungan kepada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 yang akan berlangsung di MAEPS, Serdang, Selangor, dari 28 Ogos hingga 6 September 2026 dengan tema **“Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”**. Pemilihan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai salah satu lokasi penganjuran adalah bertepatan dengan kedudukan geografinya yang berdepan pelbagai cabaran dalam rantai bekalan makanan. Pada masa ini, kira-kira 90 peratus bekalan makanan Labuan diperolehi dari Sabah, manakala hanya 10 peratus dihasilkan di peringkat tempatan.

Sehubungan itu, penganjuran Road to MAHA Labuan menjadi platform advokasi bagi meningkatkan kesedaran bahawa usaha memperkukuh keterjaminan makanan merupakan tanggungjawab bersama yang memerlukan komitmen kerajaan, industri dan masyarakat. Program ini turut mengetengahkan pelbagai pengisian menerusi beberapa zon pameran, antaranya Zon Keterjaminan Makanan dan Inovasi, Zon Penternakan Moden, Zon Akuakultur dan Industri Tuna, Zon Agropelancongan dan Budaya, Zon Usahawan PKS dan Belia serta Empayar Makanan Labuan.

Sempena majlis perasmian, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu turut melancarkan **Pelan Strategik Keterjaminan Makanan Wilayah Persekutuan Labuan 2026–2030**. Pelan strategik ini menjadi dokumen hala tuju yang komprehensif dengan menggariskan strategi, inisiatif dan pelan tindakan bagi memperkukuh sistem makanan Labuan untuk tempoh lima tahun akan datang. Majlis turut diserikan dengan penyampaian geran dan insentif pertanian kepada kumpulan

sasar berjumlah keseluruhan **RM2,236,445.00**. Selain itu, berlangsung sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Strategik bagi Pembangunan Industri Tuna dan Ekosistem Pemprosesan Makanan Laut di Wilayah Persekutuan Labuan. Turut diadakan ialah penyampaian Watakah Pelantikan Penyelaras Pavilion Negeri MAHA 2026 bagi Negeri Sarawak dan Jabatan Wilayah Persekutuan.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Dr. Stephen Rundi Anak Utom, Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Sarawak; YB Datuk Jamawi bin Jaafar, Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Negeri Sabah; YB Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman, Ahli Parlimen Labuan; YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha KPKM; YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd. Zain, Ketua Pengarah JWP; serta pegawai-pegawai kanan KPKM, JWP, jabatan dan agensi yang berkaitan.

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
DAN
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

